

24/07/2001

Rasuah akhirat sukar dibendung: Mahathir

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata rasuah politik, terutama sogokan dengan janji balasan di akhirat sukar dibendung dan dihapuskan.

Perdana Menteri menyifatkan pihak yang menyogok janji seperti itu bagi mendapat sokongan, bukan saja terbabit dengan rasuah, malah melakukan penipuan besar.

Beliau menegaskan, pihak yang boleh membanteras rasuah bentuk itu hanya individu atau organisasi terbabit.

"Jika mereka mempunyai hati kecil yang ikhlas dan takut kepada dosa, maka akan berjaya usaha membanteras rasuah jenis ini.

"Setakat ini tidak ada usaha yang dibuat dan rasuah jenis ini masih berleluasa dan berkembang," katanya menjawab soalan Dr Tan Seng Giaw (DAP-Kepong) pada sidang Dewan Rakyat, hari ini.

Tan bertanya setakat mana Dr Mahathir berjaya membanteras politik wang di negara ini dan apakah langkah paling berkesan menghapuskannya.

Perdana Menteri menjelaskan, rasuah membabitkan sogokan wang atau barang dapat dikesan dan dibanteras pihak yang ditugaskan untuk mengawal perbuatan itu.

Katanya, usaha mengawal dan mengurang, jika tidak pun menghapuskan rasuah jenis itu, sedikit sebanyak sudah berjaya. Kerajaan dan parti yang ikhlas menentang amalan keji itu sudah bertindak dan ia menakutkan mereka yang terbabit dengan politik sogokan jenis itu.

"Malangnya, untuk sogokan janji palsu, langkah yang boleh diambil oleh kerajaan amat terhad dan sehingga kini belum menunjukkan kesan. Selagi ada orang yang tidak takut kepada Tuhan selama itulah politik sogokan syurga akan berterusan," katanya.

Dr Mahathir berkata, dalam politik, sokongan sepatutnya diberi kepada orang yang berkebolehan untuk memberi perkhidmatan terbaik kepada negara.

"Tetapi oleh kerana yang bercita-cita besar ini tidak mempunyai populariti dan tidak mampu menjadi pemimpin parti atau kerajaan yang baik, mereka menghulurkan wang atau barang atau berjanji memberi balasan baik di akhirat supaya sokongan diberikan kepada mereka," katanya.

Perdana Menteri turut ditanya oleh Mohd Apandi Haji Muhamad (Pas-Jeli) mengapa politik wang dalam Umno semakin parah ketika beliau menjadi presiden parti itu.

Beliau menjelaskan, ada pemimpin Umno belajar daripada Pas yang menggunakan politik sogokan akhirat dan syurga kepada orang yang tidak berpengetahuan agama.

"(Bagaimanapun) orang Umno ini tak tergamak nak gunakan agama untuk sogokan. Jadi dia guna wang. Kalau Pas, dia sogok syurga kerana tak ada siapa yang tahu sama ada benar atau tidak (masuk syurga)... sebab yang pergi ke sana tak balik cerita," kata Dr Mahathir disambut gelak ketawa penyokong kerajaan.

"Apabila kita hidup nak berlawan dengan orang yang terbabit dengan rasuah ini (sogokan syurga), maka ada yang terpengaruh dan mereka cuba dengan rasuah," katanya.

Menjawab soalan tambahan Raja Datuk Ahmad Zainuddin Raja Omar (BN-Larut), Dr Mahathir berkata cara membanteras sogokan janji syurga ialah dengan memberi ajaran agama.

Beliau menegaskan, iman yang kuat hanya datang dari orang yang mendapat pelajaran agama yang betul.

Bagaimanapun, katanya, agak malang bagi kerajaan apabila mengadakan pelajaran agama di sekolah, muncul pula parti pembangkang mempengaruhi guru supaya tidak mengajar agama, sebaliknya mengajar bagaimana melukis bulan berlatar belakang warna hijau.

"Ini yang mereka belajar. Sebab itu hari ini kita lihat bagaimana mereka dengan mudah terpengaruh dengan Black Metal, sanggup membunuh, merogol, kerana tidak ada iman yang kuat," katanya.

(END)